



P/N : MMBB0095302

ISSUE 1.0  
PRINTED IN KOREA

MODEL: G7030



**MALAY**  
**简体中文**  
**ENGLISH**



**CE 0168**

# Telefon GPRS

## BUKU PANDUAN PENGGUNA

### MODEL: G7030

Sila baca buku panduan ini dengan teliti sebelum menggunakan telefon anda. Simpan ia untuk rujukan pada masa hadapan.



## Untuk Keselamatan Anda



Semua pemancar radio membawa risiko gangguan dengan barangan elektronik yang berdekatan.



Telefon-telefon GSM mestilah sentiasa dimatikan di dalam kapal terbang.



Elakkan daripada menghalakan port inframerah yang aktif ke mata.



Jangan aktifkan berdekatan dengan stesen minyak, depo bahan bakar, loji kimia atau operasi peletupan.



Matikan telefon di sebarang tempat di mana peraturan-peraturan khas menghendakinya. Sebagai contoh, telefon tidak dibenarkan digunakan di hospital kerana perentak jantung dan alat bantuan pendengaran boleh terjejas.



Sedikit gangguan mungkin menjejaskan TV, radio, PC, dan lain-lain.



Jangan pegang telefon di dalam tangan semasa memandu.



Jangan buka bahagian-bahagian telefon atau bateri.



Simpan telefon di tempat yang selamat jauh dari jangkauan kanak-kanak kerana ia mengandungi bahagian-bahagian kecil yang boleh ditanggalkan dan menimbulkan bahaya tercekik.



## Untuk Keselamatan Anda



Jangan sentuh pengecas dengan tangan yang basah.



Gunakan hanya bateri dan pengecas yang ditentukan kerana bateri dan pengecas lain boleh merosakkan telefon.

### Sila ambil perhatian:



Bateri yang tidak boleh digunakan harus dibuang menurut undang-undang yang berkenaan.



Gunakan hanya aksesori ASLI bagi mengelakkan kerosakan pada telefon anda.



Panggilan kecemasan mungkin tidak boleh dibuat pada semua rangkaian selular. Oleh itu, anda tidak harus bergantung semata-mata kepada telefon ini untuk komunikasi penting seperti kecemasan perubahan.

### Maklumat Penting

Panduan pengguna ini mengandungi maklumat penting mengenai penggunaan dan operasi telefon ini. Sila baca semua maklumat dengan teliti untuk prestasi optimum dan untuk mengelakkan sebarang kerosakan atau penyalahgunaan telefon ini. Sebarang perubahan atau pengubahsuaian yang tidak diluluskan dengan nyata di dalam panduan pengguna ini boleh mentaksahkan waranti anda untuk alat ini.



## Gambaran keseluruhan

<b>Bahagian Telefon</b> .....	<b>9</b>
• Bahagian Depan Telefon .....	9
• Bahagian Belakang Telefon .....	10
• Sub LCD telefon .....	11
<b>Penerangan Kekunci</b> .....	<b>12</b>
• Tepi Kekunci .....	13
• Kekunci Abjad Angka .....	14

## Maklumat Paparan


<b>Maklumat Paparan</b> .....	<b>15</b>
• Ikon-Ikon Pada Skrin .....	15
• Ikon-Ikon Menu Atas .....	16

## Bermula

<b>Pemasangan</b> .....	<b>17</b>
• Menyisipkan Kad SIM .....	17
• Memasang Bateri .....	17
• Mengecas Bateri .....	18
• Memutuskan sambungan pengecas .....	19
<b>Urutan Menghidupkan Telefon</b> .....	<b>20</b>
• Untuk mula menggunakan telefon .....	20
• Untuk mematikan telefon .....	20
<b>Kod Akses</b> .....	<b>21</b>
• Kod PIN (4 hingga 8 angka) .....	21
• Kod PIN2 (4 hingga 8 angka) .....	21
• Kod PUK (4 hingga 8 angka) .....	21
• Kod PUK2 (4 hingga 8 angka) .....	21
• Kod Keselamatan (4 hingga 8 angka) .....	22



# Contents

<b>Membuat dan Menjawab panggilan</b> .....	<b>23</b>
• Membuat panggilan .....	23
• Membuat panggilan menggunakan  [Kekunci hantar] ...	23
• Panggilan Antarabangsa .....	23
• Membuat panggilan menggunakan Buku telefon .....	23
• Membuat panggilan melalui Dail cepat .....	23

## Penerangan Menu

<b>Buku Telefon</b> .....	<b>24</b>
<b>Pohon Menu</b> .....	<b>25</b>
<b>Mesej [Menu 1]</b> .....	<b>27</b>
• Tulis mesej [Menu 1-1] .....	27
• Peti masuk [Menu 1-2].....	32
• Peti keluar [Menu 1-3].....	33
• Servis maklumat [Menu 1-4] .....	33
• Mesej suara [Menu 1-5] .....	35
• Laporan kiriman [Menu 1-6].....	35
• Templat [Menu 1-7].....	35
• Tetapan [Menu 1-8].....	36
<b>Daftar panggilan [Menu 2]</b> .....	<b>37</b>
• Panggilan Tak Dijawab [Menu 2-1] .....	37
• Panggilan Dijawab [Menu 2-2].....	37
• Nombor Yang Sudah Didail [Menu 2-3] .....	37
• Padam Senarai Panggilan Terbaru [Menu 2-4] .....	38
• Tempoh panggilan [Menu 2-5].....	38
• Kos panggilan [Menu 2-6].....	39
• Tetapan Kos [Menu 2-7] .....	40
• Maklumat GPRS [Menu 2-8].....	40



<b>Profil [Menu 3]</b> .....	<b>42</b>
• Isyarat Getar Sahaja [Menu 3-1] .....	42
• Senyap [Menu 3-2] .....	42
• Umum [Menu 3-3] .....	42
• Kuat [Menu 3-4] .....	43
• Alat Dengar [Menu 3-5] .....	43
• Kereta [Menu 3-6] .....	43
<b>Tetapan [Menu 4]</b> .....	<b>46</b>
• Jam loceng [Menu 4-1] .....	46
• Tarikh & Masa [Menu 4-2] .....	46
• Tetapan Telefon [Menu 4-3] .....	48
• Tetapan Panggilan [Menu 4-4] .....	49
• Tetapan Kawalan [Menu 4-5] .....	51
• Tetapan Rangkaian [Menu 4-6] .....	54
• Tetapan GPRS [Menu 4-7] .....	55
• Kembalikan Tetapan Kilang [Menu 4-8] .....	55
<b>Alihan Panggilan [Menu 5]</b> .....	<b>56</b>
• Semua panggilan suara [Menu 5-1] .....	56
• Jika sibuk [Menu 5-2] .....	56
• Jika tak jawab [Menu 5-3] .....	56
• Jika tak sampai [Menu 5-4] .....	56
• Semua panggilan data [Menu 5-5] .....	56
• Semua panggilan faks [Menu 5-6] .....	56
• Batal semua alihan [Menu 5-7] .....	57
<b>Penyelenggara [Menu 6]</b> .....	<b>58</b>
• Jadual [Menu 6-1] .....	58
• Memo [Menu 6-2] .....	59
• Buku telefon [Menu 6-3] .....	59



# Contents

---

<b>Mainan &amp; Utiliti [Menu 7]</b> .....	<b>66</b>
• Permainan [Menu 7-1] .....	66
• Kalkulator [Menu 7-2] .....	66
• Folder saya [Menu 7-3] .....	66
• Pengubah unit [Menu 7-4] .....	67
• Waktu dunia [Menu 7-5] .....	68
• Perakam suara [Menu 7-6] .....	68
• Inframerah [Menu 7-7] .....	68
<b>Internet [Menu 8]</b> .....	<b>69</b>
• Laman [Menu 8-1] .....	69
• Penanda Buku [Menu 8-2] .....	69
• Alihkan mesej [Menu 8-3] .....	70
• Profil [Menu 8-4] .....	70
• Pergi ke URL [Menu 8-5] .....	73
• Tetapan Cache [Menu 8-6] .....	73
• Maklumat WAP [Menu 8-7] .....	73
• Reset profil [Menu 8-8] .....	73
<b>Penerangan Menu</b> .....	<b>74</b>
<b>Perkhidmatan SIM [Menu 9]</b> .....	<b>75</b>
<b>Aksesori</b> .....	<b>76</b>
<b>Penjagaan dan Penyelenggaraan</b> .....	<b>78</b>
<b>Data Teknikal</b> .....	<b>80</b>



## Bahagian Depan Telefon




Gambaran keseluruhan




## Bahagian Telefon

### Bahagian Belakang Telefon





## Sub LCD telefon



Anda boleh melihat ikon menerima mesej teks atau mel suara walaupun tanpa membuka pelipat. Selain itu, anda boleh memeriksa nama dan nombor untuk panggilan masuk.

### Perhatian





- Jika nama atau nombor entri tidak disimpan di dalam buku telefon, "Panggilan baru" akan dipaparkan apabila anda menerima panggilan.









## Penerangan Kekunci

Berikut ditunjukkan komponen-komponen kekunci telefon.


### Penerangan Kekunci

Penerangan	
	<b>Kekunci Kiri Lembut / Kekunci Kanan Lembut</b> Setiap daripada kekunci-kekunci ini melaksanakan fungsi yang ditunjukkan oleh teks pada paparan di atas kekunci tersebut.
	<b>Kekunci-Kekunci Pandu Arah</b> <b>Kekunci pandu arah kiri</b> Digunakan untuk kekunci penting Profil dan kekunci pilihan Menu. <b>Kekunci pandu arah kanan</b> Digunakan untuk kekunci penting Mesej dan kekunci pilihan Menu. <b>Kekunci pandu arah atas/bawah</b> Digunakan untuk mencari nama di dalam Buku telefon dan kekunci pilihan Menu.
	<b>Kekunci mengesah</b> Anda boleh pergi langsung ke WAP jika anda menekan kekunci ini untuk masa yang lama.
	<b>Kekunci Nada dering / Kekunci Rakam</b> Anda boleh pergi langsung ke submenu Nada dering dengan menekan  . Anda boleh menggunakan memo suara dengan menekan dan menahan  selama beberapa saat.
	<b>Kekunci Hantar</b> Anda boleh mendail nombor telefon dan menjawab panggilan. Jika anda menekan kekunci ini tanpa memasukkan nombor, telefon anda akan memaparkan nombor-nombor yang paling baru didail, diterima dan tidak dijawab.



Penerangan	
	<p><b>Kekunci Angka</b></p> <p>Kekunci-kekunci ini selalunya digunakan untuk mendail dalam mod tunggu sedia dan memasukkan nombor atau aksara dalam mod mengedit. Apabila anda menekan kekunci-kekunci ini untuk masa yang lama.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Digunakan untuk panggilan antarabangsa dengan .</li><li>• Digunakan untuk memanggil nombor-nombor Dail cepat dari  hingga .</li><li>• Digunakan untuk memeriksa mel suara dengan .</li></ul>
	<p><b>Kekunci Tamat/Kausa</b></p> <p>Digunakan untuk menamatkan atau menolak panggilan. Kekunci ini juga digunakan sebagai Kekunci Kuasa. Menekan dan menahan kekunci ini untuk beberapa saat.</p>

## Tepi Kekunci

Penerangan	
	<p><b>Kekunci Tepi Atas/Bawah</b></p> <p>Anda boleh melaras kelantangan nada kekunci dalam mod tunggu sedia dan kelantangan cuping telinga semasa panggilan. Dengan flip ditutup, menekan salah satu daripada kekunci-kekunci ini menunjukkan masa dan tarikh semasa pada sub LCD. Apabila anda menerima mesej, anda boleh membaca mesej itu pada sub LCD menggunakan kekunci-kekunci ini.</p>



## Penerangan Kekunci

### Kekunci Abjad Angka

Hubungan pemetaan pad kekunci abjad dan angka disenaraikan seperti jadual berikut.

	Penerangan
1 0	. ! ' 1 , - ? @ _
2 abc	A B C 2 Ä Å Æ Ç a b c ä å æ ç
3 def	D E F 3 È É Ê e f è é ê
4 ghi	G H I 4 Ì Í Î Ï g h i ï
5 jkl	J K L 5 j k l
6 mno	M N O 6 Ñ Ò Ó Ô Õ Ö m n o ñ ò ó ô õ ö
7 pqrs	P Q R S 7 B p q r s B
8 tuv	T U V 8 Ù Ú Û Ü u v ü ú û
9 wxyz	W X Y Z 9 w x y z
0 0	0 Ø ø [Kekunci Ruang]



Skrin memaparkan beberapa ikon dan berikut diterangkan setiap satu ikon yang anda mungkin lihat pada telefon.






## Ikon-Ikon Pada Skrin

	Penerangan
	Memberitahu anda kekuatan isyarat rangkaian.
	Panggilan disambungkan.
	Menunjukkan bahawa anda sedang menggunakan khidmat rayau.
	Anda boleh guna khidmat GPRS.
	Penggera telah ditetapkan dan sedang aktif.
	Memberitahu anda status bateri.
	Anda telah menerima satu mesej teks.
	Anda telah menerima satu mesej suara bergantung kepada langganan anda.
	Semua isyarat yang dapat didengar dimatikan.
	Anda telah menerima satu E-mel.
	Menu Kuat di dalam profil audio.
	Menu Senyap di dalam profil audio.
	Menu Set kepala di dalam profil audio.
	Menu Kereta di dalam profil audio.
	Menu Am di dalam profil audio.
	Menunjukkan bahawa anda sedang menggunakan khidmat rayau.
	Anda boleh lihat jadual anda.




## Maklumat Paparan

### Ikon-Ikon Menu Atas

	Penerangan
	Mesej
	Daftar panggilan
	Profil
	Tetapan
	Alihan Panggilan
	Penyelenggara
	Mainan & Utiliti
	Internet
	Perkhidmatan SIM (Bergantung kepada SIM)



## 1. Menyisipkan Kad SIM




Cari soket kad SIM di belakang telefon. Ikut langkah-langkah di bawah untuk memasang kad SIM.

1. Tanggalkan bateri jika ia terpasang.
2. Gelongsorkan kad SIM ke dalam lubang alur, di bawah pemegang-pemegang perak, dengan penyambung-penyambung emas menghadap bawah dan sudut terpotong di sebelah kanan.

### Notis

- Sebelum memasang pastikan bahawa telefon dimatikan dan tanggalkan bateri.
- Sentuhan logam kad SIM mudah rosak disebabkan tercalar. Beri perhatian khusus pada kad SIM apabila anda memegang dan memasang. Ikut arahan yang dibekalkan dengan kad SIM.

## 2. Memasang Bateri



1. Letakkan bateri di belakang telefon.
2. Tolak ia sehingga anda mendengar bunyi klik.




## Pemasangan

### 3. Mengecas Bateri

Untuk menyambungkan penyesuai kembara kepada telefon, anda mestilah memasang bateri.



1. Masukkan satu hujung penyesuai kembara ke dalam bahagian bawah telefon.



2. Sambungkan hujung penyesuai kembara yang satu lagi kepada soket dinding AC.

**Notis:** Hanya gunakan pengecas jenis TA-25G sahaja.



#### Amaran

- Jangan paksa penyambung kerana ini boleh merosakkan telefon dan/atau penyesuai kembara.



#### 4. Memutuskan sambungan pengecas



Putuskan sambungan penyesuai kembang dari telefon dengan menekan butang-butang tepinya.

##### Notis

- Bateri yang dihantar bersama telefon anda perlu dicas sepenuhnya sebelum digunakan.
- Jangan tanggalkan bateri anda atau kad SIM semasa mengecas.
- Palang-palang bergerak ikon bateri akan berhenti selepas bateri dicas sepenuhnya.


##### Perhatian


- Sekiranya bateri tidak dicas dengan betul...
  1. Selepas menekan kekunci Menghidupkan/ Matikan, cubalah mengecas ia semula.
  2. Sekiranya bateri terpasang, sila tanggalkan ia dari telefon. Dan kemudian letakkan ia balik, dan cuba cas ia semula.




## Urutan Menghidupkan Telefon

### Untuk mula menggunakan telefon



1. Tekan dan tahan  [Kekunci Kuasa/Tamat] sehingga anda dengar bunyi satu nada.
2. Bergantung kepada tetapan **Permintaan kod PIN** [Menu 4-5-1], anda boleh memasukkannya atau pun tidak.
3. Jika telefon menyambung kepada rangkaian, nama rangkaian akan dipaparkan sejeurus kemudian.

### Untuk mematikan telefon

Dalam mod tunggu sedia, tekan dan tahan kekunci  sehingga anda dengar bunyi satu nada.



Anda boleh menggunakan kod-kod akses yang diterangkan di dalam bahagian ini untuk mengelakkan penggunaan telefon anda tanpa izin. Kod-kod akses (kecuali kod PUK dan PUK2) boleh ditukar dengan menggunakan [Menu 4-5-4].

### **Kod PIN (4 hingga 8 angka)**

Kod PIN (Nombor Pengenalan Peribadi) melindungi kad SIM anda daripada digunakan tanpa izin. Kod PIN biasanya dibekalkan dengan kad SIM. Apabila permintaan **PIN code** ditetapkan ke **Enable**, telefon anda akan meminta kod PIN setiap kali ia dihidupkan. Sebaliknya, apabila **PIN code** ditetapkan ke **Disable**, telefon anda akan menyambung langsung kepada rangkaian tanpa meminta kod PIN.

### **Kod PIN2 (4 hingga 8 angka)**

Kod PIN2, dibekalkan dengan sesetengah kad SIM, diperlukan bagi mengakses beberapa fungsi seperti Pemberitahuan caj panggilan, Nombor Dail tetap. Fungsi-fungsi ini hanya terdapat jika disokong oleh kad SIM anda.

### **Kod PUK (4 hingga 8 angka)**

Kod PUK (Kunci Nyah-Halang Peribadi) diperlukan bagi menukar kod PIN yang terhalang. Kod PUK boleh dibekalkan dengan kad SIM. Jika tidak, hubungi pembekal khidmat setempat anda untuk kod tersebut. Jika anda kehilangan kod, hubungi juga pembekal khidmat anda.

### **Kod PUK2 (4 hingga 8 angka)**

Kod PUK2, dibekalkan dengan sesetengah kad SIM, diperlukan bagi menukar kod PIN2 yang terhalang. Jika anda kehilangan kod, hubungi juga pembekal khidmat anda.



## Kod Akses

### **Kod Keselamatan (4 hingga 8 angka)**

Kod keselamatan melindungi telefon anda daripada digunakan tanpa izin. Ia biasanya dibekalkan dengan telefon. Kod ini diperlukan untuk memadam semua entri telefon dan untuk mengaktifkan menu "Kembalikan Tetapan Kilang". Nombor lalainya ialah "0000". Anda juga boleh menukar ia di dalam menu tetapan Keselamatan.

# Membuat dan Menjawab panggilan

## Membuat panggilan

1. Masukkan nombor telefon termasuk kod kawasan, Untuk mengedit nombor di paparan, tekan  $\left\{ \left[ \text{C} \right], \left[ \text{D} \right] \right\}$  untuk menggerakkan kursor ke kiri dan tekan untuk menggerakkan kursor ke kanan. Untuk memadam huruf, gunakan kekunci  $\left[ \text{C} \right]$ .
2. Tekan  $\left[ \text{A} \right]$  untuk memanggil nombor tersebut.
3. Tekan  $\left[ \text{A} \right]$  untuk menamatkan panggilan.

## Membuat panggilan menggunakan $\left[ \text{A} \right]$

### [Kekunci hantar]

1. Tekan  $\left[ \text{A} \right]$  [Kekunci hantar], dan kemudian anda boleh memeriksa nombor-nombor telefon yang paling baru tidak dijawab, diterima, dan didail.
2. Pilih nombor yang anda mahu pada senarai.
3. Tekan  $\left[ \text{A} \right]$  [Kekunci hantar].

## Panggilan Antarabangsa

1. Tekan dan tahan kekunci  $\left[ \text{0} \right]$  untuk awalan antarabangsa. Aksara "+" mungkin menggantikan kod akses antarabangsa.
2. Masukkan kod negara, kod kawasan, dan nombor telefon.
3. Tekan  $\left[ \text{A} \right]$ .

## Membuat panggilan menggunakan Buku telefon

1. Dalam mod tunggu sedia, tekan  $\left[ \text{A} \right]$  [Nama].
2. Apabila menu dipaparkan, anda pilih Cari dengan menekan  $\left[ \text{A} \right]$  [Pilih].
3. Jika anda mendapati butir yang diingini menerusi pencarian melalui nama atau nombor, tekan  $\left[ \text{A} \right]$  untuk memanggil.

## Membuat panggilan melalui Dail cepat

Lihat menu **Buku telefon – Dail laju** [Menu 6-3-4] untuk perincian.



## Buku Telefon



Untuk memilih menu di dalam buku telefon, tekan **OK** [Nama] dalam mod tunggu sedia dan kemudian tatal ke butir yang diinginkan. Anda juga boleh Penerangan Menu ini melalui **Penyelenggara**.

	Penerangan
<b>1. Cari</b>	Membolehkan anda mencari nama tertentu.
<b>2. Tambah baru</b>	Membolehkan anda menambah nama-nama dan nombor-nombor baru.
<b>3. Kump. pemanggil</b>	Membolehkan anda memaparkan senarai kumpulan, dan memilihnya. Anda boleh mengedit namanya, dan menetapkan deringan, ikon warna LED untuk setiap Kumpulan.
<b>4. Dail laju</b>	Membolehkan anda memberi sehingga 8 ( <b>2 abc</b> - <b>9 mnop</b> ) peruntukan dail satu sentuh.
<b>5. Set Memori</b>	Membolehkan anda memilih memori.
<b>6. Padam semua</b>	Membolehkan anda memadam semua data di dalam memori SIM atau Telefon.
<b>7. Salin semua</b>	Membolehkan anda menyalin entri-entri dari memori Telefon anda ke kad SIM atau dari kad SIM ke memori Telefon.
<b>8. Maklumat</b>	Membolehkan anda memeriksa status memori, No.dail diservis dan Nombor sendiri.



## 1 Mesej

- 1 Tulis mesej
- 2 Peti masuk
- 3 Peti keluar
- 4 Servis maklumat
- 5 Mesej suara
- 6 Laporan kiriman
- 7 Templat
- 8 Tetapan



## 2 Daftar panggilan

- 1 Panggilan Tak Dijawab
- 2 Panggilan Dijawab
- 3 Nombor Yang Sudah Didail
- 4 Padam Senarai Panggilan Terbaru
- 5 Tempoh panggilan
- 6 Kos panggilan
- 7 Tetapan Kos
- 8 Maklumat GPRS



## 3 Profil

- 1 Isyarat Getar Sahaja
- 2 Senyap
- 3 Umum
- 4 Kuat
- 5 Alat Dengar
- 6 Kereta



## 4 Tetapan

- 1 Jam loceng
- 2 Tarikh & Masa
- 3 Tetapan Telefon
- 4 Tetapan Panggilan
- 5 Tetapan Kawalan
- 6 Tetapan Rangkaian
- 7 Tetapan GPRS
- 8 Kembalikan Tetapan Kilang



## Pohon Menu



### 5 Alihan Panggilan

- 1 Semua panggilan suara
- 2 Jika sibuk
- 3 Jika tak jawab
- 4 Jika tak sampai
- 5 Semua panggilan data
- 6 Semua panggilan faks
- 7 Batal semua alihan



### 6 Penyelenggara

- 1 Jadual
- 2 Memo
- 3 Buku telefon



### 7 Mainan & Utiliti

- 1 Permainan
- 2 Kalkulator
- 3 Folder saya
- 4 Pengubah unit
- 5 Waktu dunia
- 6 Perakam suara
- 7 Inframerah



### 8 Internet

- 1 Laman
- 2 Penanda Buku
- 3 Alihkan mesej
- 4 Profil
- 5 Pergi ke URL
- 6 Tetapan Cache
- 7 Maklumat WAP
- 8 Reset profil



### 9 Perkhidmatan SIM



Menu ini bergantung kepada SIM dan khidmat-khidmat rangkaian.



Menu ini termasuk fungsi-fungsi yang berkaitan dengan SMS (Khidmat Mesej Ringkas), mel suara, serta mesej-mesej khidmat rangkaian.



### Tulis mesej [Menu 1-1]

Anda boleh menulis dan mengedit mesej teks sehingga 480 aksara. Selain daripada itu, anda juga boleh semak muka surat apabila menulis mesej.

1. Masukkan menu **Mesej** dengan menekan  [Pilih].
2. Jika anda mahu menulis mesej baru, pilih **Tulis mesej** di dalam menu.
3. Masukkan mesej.
4. Setelah anda selesai menulis mesej, tekan  [Pilihan]. Menu pilihan berikut akan dipaparkan.


### **Hantar**

Menghantar mesej teks.

1. Masukkan nombor telefon untuk menghantar mesej.
2. Tekan  [Okay]. Jika anda tidak mahu menghantarnya, tekan  [Kembali].

### **Simpan**

Menyimpan mesej di dalam Peti keluar.

Jika anda mahu menyimpannya di dalam Peti keluar, tekan  [Pilih].

### **Masuk templat**

Templat ialah mesej yang telah dipraktakrif. Anda boleh memilih satu daripada templat-templat dan tambahkan ia kepada mesej yang akan anda hantar.



## Mesej [Menu 1]

### **Fungsi EMS**

Anda boleh menggunakan EMS hanya jika rangkaian menyokong khidmat ini.

### **Lampir gambar**

Jika anda mahu melampirkan gambar apabila menghantar mesej, anda boleh memilihnya menerusi EMS. Anda juga boleh memilih satu daripada pelbagai gambar.

### **Lampir animasi**

Jika anda mahu melampirkan animasi apabila menghantar mesej, anda boleh memilihnya menerusi EMS. Selain itu, anda boleh memilih satu daripada 15 animasi yang anda mahu.

### **Lampir bunyi**

Jika anda mahu melampirkan bunyi apabila menghantar mesej, anda boleh memilihnya menerusi EMS.

#### **Perhatian**

- Anda tidak boleh menghantar atau menerima mesej menerusi EMS disebabkan ketakserasian antara telefon G7030 dan telefon-telefon lain.

### **Masukkan nombor**



Apabila anda memasukkan mesej, anda boleh memasukkan nombor telefon di dalam kad SIM atau di dalam telefon. Jika nombor disimpan di dalam telefon, anda juga boleh memasukkan nombor rumah dan nombor pejabat.




## Kamus mudah

Anda boleh menambah, memadam dan mengedit perkataan di dalam kamus eZi. Jika anda menyimpannya di dalam kamus, perkataan ini mempunyai keutamaan yang lebih tinggi daripada perkataan-perkataan lain.


### • Bagaimana menambah perkataan di dalam kamus

1. Tatal untuk menyerlahkan **Kamus mudah**.
2. Mesej **<Tiada Kemasukkan>** akan dipaparkan apabila tiada perkataan yang di simpan. Setelah sesuatu perkataan disimpan di dalam kamus, anda boleh melihat senarai perkataan.
3. Tekan  [Tambah].
4. Masukkan perkataan, Kemudian  [Okay].

### • Bagaimana memadam perkataan dari kamus

1. Tatal untuk menyerlahkan **Kamus mudah**.
2. Pilih perkataan yang ingin anda padam, dan kemudian tekan  [Pilihan].
3. Pilih menu **Padam**.

### • Bagaimana mengedit perkataan di dalam kamus

1. Tatal untuk menyerlahkan **Kamus mudah**.
2. Pilih perkataan yang ingin anda edit dan kemudian tekan  [Pilihan].
3. Pilih menu **Edit**.




## Mesej [Menu 1]




### Bagaimana menggunakan teks eZi

Mod teks eZi membolehkan anda menaip perkataan dengan mudah dan cepat. Hanya dengan menekan kekunci sekali untuk setiap aksara, anda boleh mendapatkan per kaataan yang anda mahu. Oleh itu, anda tidak perlu memasukkan semua aksara untuk me buat perkataan.

#### • Bagaimana menukar mod






Terdapat 4 mod. : **Mod eZi, Mod angka, Mod huruf (Huruf besar dan Huruf kecil)**. Anda boleh menukar dan memilih salah satu daripada mod-mod editor dengan menekan .

#### 1. Bagaimana menulis mesej dalam mod eZi

1. Pilih **Mesej** dengan menekan  [Pilih].
2. Pilih **Tulis Mesej** dengan menekan  [Pilih].
3. Dalam mod eZi, anda hanya menekan kekunci yang ditandakan dengan aksara pada pad kekunci. Selain itu, anda boleh menambah ruang dengan menekan kekunci .








#### Sebagai contoh

Untuk membuat "Tomorrow", anda hanya menekan  →  →  →  →  mengikut urutan.

4. Selepas menulis mesej, tekan  [Pilihan].

#### Notis




1. Untuk menukar bahasa, tekan kekunci . Anda boleh memeriksa bahasa yang dipilih di bawah kotak teks.
2. Setelah anda menekan kekunci yang sepadan, kekunci  akan bertukar kepada "Tukar". Kemudian anda boleh menukar bentuk huruf besar dengan  [Tukar]. Contoh : You → you → y.o.u. → Y.O.U. → YOU. Selepas memilih bentuk yang diingini dengan menekan [Okay], kekunci  akan kembali kepada "Simbol".



## 2. Mod angka





Untuk memasukkan nombor, pilih mod ini menggunakan kekunci  key.

## 3. Mod huruf

Dalam mod ini, anda boleh memasukkan huruf-huruf. Terdapat mod huruf besar dan mod huruf kecil.







### Perhatian

1. Jika anda mahu menambah ruang,  tekan.
2. Untuk memadam huruf, gunakan kekunci .



## Mesej [Menu 1]

### **Peti masuk [Menu 1-2]**

Apabila anda menerima mesej teks, simbol  dipaparkan pada skrin. Anda boleh menyimpan ia di dalam senarai mesej masuk. Pilih mesej yang diinginkan dengan menatal  ,  , anda boleh memadam semua mesej masuk dengan memilih **Padam semua** di bawah senarai. Selepas membaca mesej, tekan  [Pilih] untuk mengakses pilihan-pilihan yang terdapat.

### **Balas [Menu 1-2-1]**

Anda boleh membalas penghantar melalui mesej, jika anda menekan  [Pilih].

### **Ke depan [Menu 1-2-2]**

Anda boleh menghantar lanjut mesej terpilih kepada pihak lain, jika anda menekan  [Pilih].

### **Padam [Menu 1-2-3]**

Anda boleh memadam mesej jika anda menekan  [Pilih].


### **Dapatkan nombor [Menu 1-2-4]**

Jika mesej mempunyai nombor, anda bukan sahaja boleh mengambilnya tetapi juga boleh menyimpannya di dalam buku telefon. Anda juga boleh memanggil melalui nombor ini.

### **Simpan lampiran [Menu 1-2-5]**






Anda boleh menyimpan fail lampiran seperti gambar dan bunyi, dan animasi.

### **Balas panggilan [Menu 1-2-6]**

Anda boleh memanggil balik penghantar dengan menekan  [Hantar].



## **Peti keluar [Menu 1-3]**

Apabila anda memasuki menu ini, anda boleh melihat senarai mesej keluar. Anda boleh memilih mesej yang diinginkan dengan menatal  ,  dan menekan  [Pilih] untuk membaca. Dan jika anda mahu keluar dari menu **Peti keluar**, tekan  [Kembali]. Selain itu, anda boleh memadam semua mesej keluar dengan menekan menu **Padam semua** di bawah senarai. Selepas membaca mesej, tekan  [Pilihan] untuk mengakses submenu-submenu berikut.

## **Ke depan [Menu 1-3-1]**

Anda boleh menghantar lanjut mesej kepada pihak lain.

## **Padam [Menu 1-3-2]**

Anda boleh memadam mesej.

## **Dapatkan nombor [Menu 1-3-3]**

Jika mesej mempunyai nombor telefon, anda bukan sahaja boleh mengambilnya tetapi juga boleh menyimpannya di dalam buku telefon. Anda boleh memanggil melalui nombor ini.

### **Notis**

- Jika anda menambah ruang semasa memasukkan nombor-nombor, penerima boleh memeriksa masing-masing nombor tersebut.

## **Servis maklumat [Menu 1-4]**

Mesej-mesej Siaran Sel (mesej CB) adalah mesej-mesej teks yang dihantar oleh rangkaian kepada pengguna-pengguna telefon GSM. Rangkaian menyediakan maklumat umum seperti laporan cuaca, berita lalu lintas, cukai, farmasi dan harga saham. Setiap jenis maklumat mempunyai nombor; oleh itu, anda boleh menghubungi pembekal khidmat. Apabila anda menerima mesej CB, anda boleh melihat submenu-submenu di bawah:



## Mesej [Menu 1]




### Terima [Menu 1-4-1]

- **Ya** : Jika anda memilih menu ini, telefon anda akan menerima mesej Siaran Sel.
- **Tidak** : Jika anda memilih menu ini, telefon anda tidak akan menerima mesej Siaran Sel.

### Peti masuk [Menu 1-4-2]

Anda boleh membaca dan memadam mesej CB yang diterima.

### Topik [Menu 1-4-3]

Jika anda mahu mencipta topik-topik baru, tekan  [Pilih]. Kemudian, anda pilih menu Topik baru melalui  [Pilih]. Jika anda sudah mempunyai topik-topik, anda boleh memadam mengedit, dan mengaktifkan dengan menekan  [Pilihan].

### Isyarat [Menu 1-4-4]



#### • Pasang

Apabila mesej Siaran sel tiba, telefon anda akan memberitahu anda melalui bunyi bip.

#### • Tutup

Apabila mesej Siaran sel tiba, telefon anda tidak akan berbunyi bip.

### Auto pamer [Menu 1-4-5]

Apabila anda menerima mesej CB, ia dipaparkan secara automatik pada tettingkap. Anda boleh membacanya dengan menatal  , .

#### • Pasang


Mesej akan dipaparkan pada skrin secara automatik.

#### • Tutup

Mesej tidak akan dipaparkan pada skrin secara automatik.



### **Bahasa [Menu 1-4-6] (Bergantung kepada Rangkaian)**

Anda boleh memilih bahasa dengan menekan  [Pilih]. Kemudian, mesej sel akan dipaparkan dalam bahasa yang anda pilih. Jika anda menggunakan semua bahasa yang disokong telefon, pilih **Automatik** di bawah senarai.

### **Mesej suara [Menu 1-5]**

#### **Dengar mesej [Menu 1-5-1]**

Di dalam menu ini, anda boleh mendengar mesej suara anda. Jika alamat pusat mel suara telahpun disimpan di dalam telefon, telefon anda meyambung kannya secara automatik. Jika tidak, telefon memerlukan anda memasukkan alamatnya.

#### **No.mel suara [Menu 1-5-2]**

Anda boleh memasukkan nombor alamat peti mel suara.

### **Laporan kiriman [Menu 1-6]**

Anda boleh membaca dan memadam mesej laporan penghantaran.

### **Templat [Menu 1-7]**

Anda boleh melihat 10 mesej yang telah dipraktakrif di dalam senarai. Anda boleh melihat templat-templat yang telah disimpan di dalam senarai sebelum menge ditnya. Anda boleh mengubahnya. Yang lain adalah **<Kosong>**. Anda boleh menambah yang baru.

#### **Edit [Menu 1-7-1]**

Anda boleh mengedit templat.

#### **Padam [Menu 1-7-2]**

Anda boleh memadam templat.

#### **Hantar [Menu 1-7-3]**

Anda boleh menghantar mesej teks dengan templat.



## Mesej [Menu 1]

### Tetapan [Menu 1-8]

#### **No.Pusat Mesej [Menu 1-8-1]**

Anda boleh memasukkan alamat pusat mesej.

#### **Jenis Mesej [Menu 1-8-2]**

##### **Teks, Suara, Faks, Kelui, X.400, E-mel, ERMES**

Biasanya, jenis mesej ditetap ke jenis **Teks**. Anda boleh menggantikan teks anda dengan format-format lain, yang sesuai bagi peranti yang akan menerima mesej tersebut. Hubungi pembekal khidmat anda untuk ketersediaan fungsi ini.

#### **Tempoh Sah [Menu 1-8-3]**

Khidmat rangkaian ini membolehkan anda menetapkan berapa lama mesej teks anda akan disimpan di pusat mesej.

#### **Laporan kiriman [Menu 1-8-4]**

Jika anda menetapkan **Ya** dalam menu ini, anda boleh memeriksa sama ada mesej anda berjaya dihantar kepada pihak lain atau tidak.

#### **Bayar Untuk Balas [Menu 1-8-5]**

Apabila pihak lain membalas mesej anda, anda boleh membayar untuknya.

#### **Periksa Memori [Menu 1-8-6]**

Jika anda memilih menu ini, anda boleh memeriksa memori yang digunakan dan jumlah memori. Jumlah memori ialah jumlah memori SIM dan memori Telefon.



## Daftar panggilan [Menu 2]

(Bergantung kepada khidmat rangkaian)

Anda boleh memeriksa rekod panggilan yang tidak dijawab, yang diterima dan yang didail hanya jika rangkaian menyokong pengenalan Talian Pemanggilan (CLI) di dalam kawasan khidmat. Di dalam pilihan-pilihan bagi panggilan yang tidak dijawab, panggilan yang diterima, dan nombor yang didail anda boleh memeriksa:

- Panggil melalui nombor ini.
- Simpan nombor di dalam buku telefon.
- Lihat tarikh dan masa panggilan.
- Edit, padam atau simpan nombor dari senarai di dalam buku telefon.

### **Panggilan Tak Dijawab [Menu 2-1]**

Fungsi ini membolehkan anda melihat senarai 10 nombor telefon terbaru yang tidak anda terima.

### **Panggilan Dijawab [Menu 2-2]**

Fungsi ini membolehkan anda melihat senarai 20 nombor telefon dari mana anda mendapat at panggilan terbaru yang diterima.

### **Nombor Yang Sudah Didail [Menu 2-3]**

Fungsi ini membolehkan anda melihat senarai 20 nombor telefon yang terbaru anda panggil atau cuba memanggil.

### **Submenu di dalam setiap menu:**

#### **Lihat Butiran**

Anda boleh memeriksa nombor yang didail dengan terperinci.

#### **Padam**

Anda boleh memadam rekod nombor telefon.



## Daftar panggilan [Menu 2]

(Bergantung kepada khidmat rangkaian)

### Simpan

Anda boleh menyimpan nombor telefon.

### Panggil

Anda boleh memanggil melalui nombor ini.

### Pamer nombor lain

Anda boleh menyemak nombor-nombor telefon yang disimpan di dalam buku telefon.

### Tulis mesej

Anda boleh menghantar mesej ke nombor itu.


## Padam Senarai Panggilan Terbaru [Menu 2-4]

Fungsi ini membolehkan anda memadam senarai-senarai Panggilan yang tidak dijawab, Panggilan yang didail, dan Panggilan yang diterima. Anda boleh memadam semua senarai panggilan pada satu masa.


## Tempoh panggilan [Menu 2-5]

Fungsi ini membolehkan anda melihat tempoh panggilan masuk dan keluar. Anda boleh memadam rekod tempoh dengan menggunakan kekunci Tetap semula selepas memasukkan kod keselamatan.

### Panggilan Yang Terakhir [Menu 2-5-1]


Jika anda menekan  [Reset], anda boleh memadam tempoh panggilan terakhir.

### Panggilan Dijawab [Menu 2-5-2]


Jika anda menekan  [Reset], anda boleh memadam tempoh Panggilan yang diterima. Anda perlu memasukkan kod Keselamatan.



### **Nombor Yang Sudah Didail [Menu 2-5-3]**

Jika anda menekan  [Reset], anda boleh memadam tempoh panggilan keluar. Anda perlu memasukkan kod Keselamatan.

### **Semua panggilan [Menu 2-5-4]**

Jika anda menekan  [Reset], anda boleh memadam tempoh Panggilan terakhir, panggilan yang diterima, dan panggilan keluar. Anda perlu memasukkan kod Keselamatan.

### **Kos panggilan [Menu 2-6]**

Khidmat rangkaian ini membolehkan anda memeriksa kos-kos panggilan terakhir dan semua panggilan anda. Untuk mengosongkan pembilang, anda memerlukan Kod PIN 2.

### **Kos Untuk Panggilan Terakhir [Menu 2-6-1]**

Fungsi ini membolehkan anda menetapkan semula kos panggilan terakhir. Anda perlu memasukkan kod PIN 2.

### **Kos Untuk Semua Panggilan [Menu 2-6-2]**

Fungsi ini membolehkan anda menetapkan semula kos semua panggilan. Anda perlu memasukkan kod PIN2.

#### **Perhatian**

- Kos sebenar yang diinvois untuk panggilan oleh pembekal khidmat anda mungkin beruba h-ubah bergantung kepada ciri-ciri rangkaian, pembulatan untuk bil, cukai, dll.



## Daftar panggilan [Menu 2]

(Bergantung kepada khidmat rangkaian)

### Tetapan Kos [Menu 2-7]

#### **Had Kos Panggilan [Menu 2-7-1]**

Khidmat rangkaian ini membolehkan anda mengehadikan kos panggilan anda kepada bilangan unit mengecaj atau unit mata wang. Jika anda memilih berdasarkan bilangan yang tinggal, kos akan dipaparkan dalam mod tunggu sedia. Anda boleh membuat atau menerima panggilan asalkan had kos yang ditetapkan tidak dilebihi.

#### **Set tarif [Menu 2-7-2]**



Telefon boleh menukar unit dan nama mata wang. Hubungi pembekal khidmat anda untuk harga unit mengecaj. Anda mungkin memerlukan kod PIN2 untuk memilih mata wang atau unit di dalam menu ini.

#### **Auto pamer [Menu 2-7-3]**

Apabila tetapannya **Pasang**, kos yang tinggal dipaparkan dalam mod tunggu sedia, Apabila panggilan tamat, kos panggilan terakhir dipaparkan.

### Maklumat GPRS [Menu 2-8]

Anda boleh semak data Pindahan ke Jaringan melalui GPRS tambahan. Anda juga boleh lihat sebanyak masa anda gunakan talian.

1. Pilih  [Okay] atau  [Pilih].
2. Skrol untuk informasi yang anda periksa pilihan anda juga termasuk yang bersama.



### **Maklumat WAP [Menu 2-8-1]**

Anda boleh periksa sebanyak Data Jankamasa melalui WAP.

- Sesi terakhir [Menu 2-8-1-1]
- Semua sesi [Menu 2-8-1-2]

### **Alat luar [Menu 2-8-2]**

Anda boleh periksa Data sebanyak dengan Jangkamasa melalui GPRS boleh gunakan alat seperti Serial Port.



### **Jumlah data [Menu 2-8-3]**

Anda boleh periksa Jumlah kegunaan data melalui WAP dengan kegunaan alat lain.



## Profil [Menu 3]

Di dalam menu ini, anda boleh melaras dan mengkhususkan nada-nada telefon untuk acara-acara, sekitaran dan kumpulan pemanggil yang berbeza. (misalnya, Apabila anda berada di dalam kereta, anda boleh memilih profil Kereta, Dll.)

1. Tekan  [Menu] dalam mod tunggu sedia.
2. Tekan  untuk akses langsung bagi memasuki **Profil**.

### Aktifkan [Menu 3-1-1]

#### **Aktifkan [Menu 3-1-1]**

Anda boleh melaras profil sebagai Getaran jika anda memerlukan mod getaran.

### Senyap [Menu 3-2]

#### **Aktifkan [Menu 3-2-1]**

Anda boleh melaras profil sebagai Senyap jika anda berada di tempat yang sunyi.

#### **Pilihan Sendiri [Menu 3-2-2]**

Anda boleh menukar nilai-nilai submenu Profil.

### Umum [Menu 3-3]

#### **Aktifkan [Menu 3-3-1]**

Anda boleh melaras profil sebagai Umum jika anda memerlukan mod Umum.

#### **Pilihan Sendiri [Menu 3-3-2]**

Anda boleh menukar nilai-nilai submenu Profil.



## **Kuat [Menu 3-4]**

### **Aktifkan [Menu 3-4-1]**

Anda boleh melaras profil sebagai di luar jika anda berada di sekitaran yang bising.

### **Pilihan Sendiri [Menu 3-4-2]**

Anda boleh menukar nilai-nilai submenu Profil.

## **Alat Dengar [Menu 3-5]**

Anda boleh melaras profil sebagai Alat dengar apabila anda memakai alat dengar.

### **Pilihan Sendiri**

Anda boleh menukar nilai-nilai submenu Profil.

## **Kereta [Menu 3-6]**

Anda boleh melaras profil ini apabila anda mengaktifkan Kit Bebas tangan.

### **Pilihan Sendiri**

Anda boleh menukar nilai-nilai submenu Profil.

#### **Perhatian**

- Jika anda menyambungkan alat dengar atau kit bebas tangan kepada telefon, setiap menu profil yang berkaitan dengannya akan dipaparkan secara automatik.



## Profil [Menu 3]

### Sekumpulan submenu yang Diperibadikan [Menu 3-x-x]

Menu **Pemeribadian** mempunyai submenu-submenu seperti yang ditunjukkan di bawah.

#### **Isyarat Panggilan Masuk [Menu 3-x-x-1]**

Membolehkan anda menetapkan jenis isyarat panggilan masuk untuk menyesuainya pada sekitaran. **Berdering, Bergetar, Berdering & Bergetar, Berdering selepas bergetar, Tak aktif.**

#### **Nada deringan [Menu 3-x-x-2]**

Membolehkan anda menetapkan nada dering untuk menyesuainya pada sekitaran.

#### **Lantang Deringan [Menu 3-x-x-3]**

Membolehkan anda menetapkan kelantangan deringan untuk menyesuainya pada sekitaran.

#### **Jenis Nada Isyarat Mesej [Menu 3-x-x-4]**

Membolehkan telefon memberi isyarat apabila ia menerima mesej untuk menyesuainya pada sekitaran. **Dering Sekali, Deringan, Getaran, Dering & Getar, Tutup.**

#### **Nada Isyarat Mesej [Menu 3-x-x-5]**

Membolehkan anda menetapkan nada isyarat mesej untuk menyesuainya pada sekitaran.

#### **Lantang Kekunci [Menu 3-x-x-6]**

Membolehkan anda menetapkan nada pad kekunci untuk menyesuainya pada sekitaran.



### Perhatian

#### Jawab otomatis

- Fungsi ini akan diaktifkan hanya apabila telefon andadisambungkan kepada kit bebas tangan atau alat dengar.
  - **Tutup** : Telefon tidak akan menjawab secara automatik.
  - **Selepas 5 saat** : Selepas 5 saat, telefon akan menjawab secara automatik.
  - **Selepas 10 saat** : Selepas 10 saat, telefon akan menjawab secara automatik.






## Tetapan [Menu 4]


### Jam loceng [Menu 4-1]

Anda boleh melaraskan penggera supaya berbunyi pada telefon anda.

• **Untuk melaraskan penggera:**

1. Masukkan menu.
2. Pilih **Pasang** menggunakan [⌂ , ⏸].
3. Tekan  untuk menggerakkan kursor. Pilih AM atau PM menggunakan [⌂ , ⏸].
4. Laraskan masa penggera menggunakan pad kekunci angka. Anda boleh menggerakkan kursor menggunakan [⌂ , ⏸] di dalam ruang masa penggera.
5. Tekan  untuk menggerakkan kursor ke pilihan seterusnya. Pilih satu daripada Sekali, Harian, Mingguan, dan Bulanan menggunakan [⌂ , ⏸].
6. Tekan  [Tetap]. Anda akan melihat bantu ingat, “Loceng Ditetap”.

• **Untuk menyahaktifkan penggera:**

1. Masukkan menu.
2. Pilih Tutup menggunakan [⌂ , ⏸] , kemudian tekan  [Tetap].
3. Anda akan melihat bantu ingat, “Loceng ditutup”.



### Tarikh & Masa [Menu 4-2]

Telefon mempunyai jamnya sendiri. Di dalam menu ini anda boleh menetapkan format masa antara 12 jam dan 24 jam.





### **Tetap Waktu [Menu 4-2-1]**

Anda boleh menetapkan masa telefon anda di dalam menu ini.

1. Pilih **Tetap Waktu** dengan menekan  [Pilih].
2. Masukkan nombor yang ingin anda tetapkan masanya.
3. Tekan  [Tetap].



### **Format Waktu [Menu 4-2-2]**

Anda boleh memilih format masa antara 12 jam dan 24 jam.

1. Tatal untuk menyerlahkan **Format Waktu** dengan menekan  [Pilih].
2. Pilih 12 jam atau 24 jam yang anda mahu dengan menekan  [Pilih].

### **Tetap Tarikh [Menu 4-2-3]**

Di dalam menu ini, anda boleh menetapkan tarikh telefon anda.

1. Masuki menu.
2. Pilih **Tetap Tarikh** dengan menekan  [Pilih].
3. Masukkan nombor yang ingin anda tetapkan tarikhnya.
4. Tekan  [Tetap].

### **Format Tarikh [Menu 4-2-4]**

Anda boleh menetapkan format Tarikh di dalam menu ini.

[T: Tahun, B: Bulan, H: Hari]

- TTTT/BB/HH
- HH/BB/TTTT
- BB/HH/TTTT



## Tetapan [Menu 4]

### Tetapan Telefon [Menu 4-3]

Anda boleh menetapkan telefon seperti yang anda mahu. Tatal untukmenyerlahkan menu **Tetapan Telefon**, dan kemudian tekan  [Pilih].

### Bahasa [Menu 4-3-1]

Menu ini menyediakan anda pilihan bahasa. Jika **Automatik** ditetapkan, bahasa dipilih berdasarkan kad SIM semasa. Bahasa Inggeris akan ditetapkan jika bahasa kad SIM tidak disokong di dalam telefon.

### Kertas Hias Dinding [Menu 4-3-2]

Anda boleh memilih salah satu gambar dengan menekan  , .

### Sub LCD [Menu 4-3-3]

Anda boleh menetapkan pelbagai fungsi sub LCD.

- **Pameran saya [Menu 4-3-3-1]**

Anda boleh menetapkan perkara grafik.

- **Sliding time [Menu 4-3-3-2]**

Anda boleh menetapkan jarak waktu bagi skrin gelangsar.


- **Warna tulisan [Menu 4-3-3-3]**

Anda boleh menetapkan warna fon yang dipaparkan pada Sub LCD.

### Lampu belakang [Menu 4-3-4]


Anda boleh menetapkan tempoh pencahayaan yang anda mahu setiap kali anda menekan kekunci atau membuka pelipat.

### Kontras [Menu 4-3-5]

Anda boleh menetapkan kecerahan LCD yang dikehendaki dengan menekan  , .



## **Tetapan Panggilan [Menu 4-4]**


Anda boleh menetapkan menu yang relevan kepada panggilan dengan menekan  [Pilih] di dalam menu Tetapan.

### **Mod Jawapan [Menu 4-4-1]**

#### **• Buka folder [Menu 4-4-1-1]**

Jika anda memilih menu ini, anda boleh menerima panggilan masuk hanya apabila pelipat dibuka.

#### **• Tekan Sebarang Kunci [Menu 4-4-1-2]**

Jika anda memilih menu ini, anda boleh menerima panggilan masuk dengan menekan sebarang kekunci kecuali kekunci .

#### **• Tekan kunci hantar sahaja [Menu 4-4-1-3]**

Jika anda memilih menu ini, anda boleh menerima panggilan hanya jika anda menekan kekunci hantar.

### **Hantar nombor sendiri [Menu 4-4-2]**

**(bergantung kepada rangkaian dan langganan)**

Anda boleh menghantar nombor telefon anda kepada pihak lain bergantung kepada penyetarannya.

#### **• Tetapkan rangkaian [Menu 4-4-2-1]**

Jika anda memilih ini, anda boleh menghantar nombor telefon anda bergantung kepada khidmat dua talian seperti talian 1 atau talian 2.

#### **• Pasang [Menu 4-4-2-2]**

Jika anda memilih menu ini, anda boleh menghantar nombor telefon anda kepada pihak lain. Iaitu, nombor telefon anda akan dipaparkan pada telefon penerima.

#### **• Tutup [Menu 4-4-2-3]**

Jika anda memilih menu ini, anda tidak boleh menghantar nombor telefon anda.



## Tetapan [Menu 4]

### **Khidmatan panggilan menanti [Menu 4-4-3]**

Jika khidmat ini diupayakan, anda boleh menerima panggilan (masuk) yang menunggu. Jika khidmat ini dilumpuhkan, anda tidak boleh mengenali panggilan (masuk) yang menunggu.

- **Aktifkan [Menu 4-4-3-1]**

Mengaktifkan khidmat yang sepadan.

- **Batal [Menu 4-4-3-2]**

Menyahaktifkan khidmat yang sepadan.

- **Periksa status [Menu 4-4-3-3]**

Menyahaktifkan khidmat yang sepadan.

### **Automatik dail semula [Menu 4-4-4]**

- **Pasang [Menu 4-4-4-1]**

Apabila fungsi ini diaktifkan, telefon anda akan cuba membuat panggilan sekiranya ia gagal menyambungkan.

- **Tutup [Menu 4-4-4-2]**

Telefon anda tidak akan membuat sebarang percubaan untuk menyambungkan panggilan selepas ia gagal menyambungkan.

### **Minit peringatan [Menu 4-4-5]**

Jika anda memilih **Pasang**, anda boleh memeriksa tempoh panggilan melalui bunyi bip setiap minit semasa panggilan.

### **Telephone sedang digunakan [Menu 4-4-6]**

Fungsi ini hanya digunakan jika **Khidmat dua talian** disokong oleh Pembekal Khidmat. Dua nombor telefon berasingan didaftarkan untuk telefon. Fungsi ini memberi anda pemilihan nombor telefon yang sedang digunakan.

1. **Baris 1** : Pilih Baris 1 sebagai nombor telefon semasa.
2. **Baris 2** : Pilih Baris 2 sebagai nombor telefon semasa.



### Perhatian
